

**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA  
(Bagi Minggu 21/2015 dari 24 hingga 30 Mei 2015)**

Kes demam denggi 3 minggu kebelakangan ini menunjukkan peningkatan yang ketara di mana pada minggu ke 21 tahun 2015, iaitu dari 24 hingga 30 Mei 2015, sejumlah 2,042 kes demam denggi telah dilaporkan di seluruh negara, peningkatan sebanyak 5% iaitu 98 kes berbanding 1,944 kes yang dilaporkan pada minggu sebelumnya. Terdapat lima (5) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 101 kes (9.6%), Perak 25 kes (13.4%), Johor 20 kes (10.9%), Terengganu 13 kes (325%) dan Pulau Pinang 12 kes (8.8%). Dari Januari hingga 30 Mei 2015, jumlah kumulatif kes denggi adalah 47,112 kes berbanding 35,070 kes untuk tempoh yang sama tahun 2014 iaitu meningkat sebanyak 34.3% (12,042 kes).

Manakala untuk kematian denggi bagi tempoh yang sama sebanyak 141 kematian denggi dilaporkan berbanding hanya 69 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2014, meningkat sebanyak 72 kematian (104.3%). Kematian dilaporkan berlaku di Selangor 71 kematian, WP Kuala Lumpur & Putrajaya 15 kematian, Perak 12 kematian, Negeri Sembilan dan Johor tujuh (7) kematian, Pulau Pinang enam (6) kematian, Pahang lima (5) kematian, Sabah empat (4) kematian, masing-masing tiga (3) kematian di Kedah, Melaka dan Kelantan, masing-masing dua (2) kematian di Terengganu dan Sarawak serta satu (1) kematian dilaporkan di Perlis.


Pada minggu ke 21, terdapat sebanyak 725 lokaliti wabak denggi yang melibatkan 43 buah daerah di seluruh negara melibatkan 13 negeri. Daripada

jumlah tersebut, sebanyak 75 lokaliti hotspot dilaporkan iaitu di 63 lokaliti di Selangor, lapan (8) lokaliti di Perak dan empat (4) lokaliti di Pulau Pinang.

Kementerian Kesihatan Malaysia menyeru kepada orang ramai yang akan pulang ke kampung atau pergi bercuti bersama keluarga dalam tempoh cuti yang panjang sempena musim cuti persekolahan ini, untuk bersama-sama memastikan kediaman masing-masing bebas daripada pembiakan Aedes dengan mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan yang terdapat di persekitaran rumah. Masukkan bahan pembunuh jentik – jentik ke dalam bekas simpanan air, kolah mandi, pasu bunga dan semua takungan kekal yang berpotensi untuk menjadi punca pembiakan Aedes.

Orang ramai juga dinasihatkan sentiasa berwaspada terhadap destinasi percutian yang ingin dilawati dan boleh mendapatkan maklumat terkini status lokasi sama ada ianya kawasan bermasalah denggi atau lokaliti *hotspot* denggi. Maklumat ini boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang [http:// idengue. remotesensing. gov. my /idengue /index. php](http://idengue.remotesensing.gov.my/idengue/index.php). Kementerian Kesihatan amat berharap agar pihak masyarakat lebih peka terhadap perkembangan berkaitan ancaman penularan denggi ini. Semua pihak perlu bekerjasama dan lebih serius dalam menangani isu ini dan tidak hanya bertindak apabila telah berlaku wabak ataupun kematian di sekitar kediaman. Melalui kerjasama dan komitmen padu daripada semua pihak, maka penularan penyakit demam denggi di negara ini akan dapat dicegah.

DR. DR. LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN  
(MMC: 26284)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**3 JUN 2015**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 21/2015  
( 24 hingga 30 Mei 2015)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 21/2015	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 21/2014
		Minggu 21 (24 – 30 Mei 2015)	Minggu 20 (17 – 23 Mei 2015)		
1	Perlis	2	2	109 (1)	69
2	Kedah	19 (1)	23	390 (3)	341 (2)
3	P. Pinang	148	136	2,250 (6)	734 (3)
4	Perak	211 (1)	186	5,018 (12)	2,327 (7)
5	Selangor	1,153 (1)	1,052	27,282 (71)	19,937 (28)
6	WP KL & Putrajaya	146	172	2,938 (15)	3,036 (4)
7	N. Sembilan	24	43	785 (7)	1,736 (2)
8	Melaka	24 (1)	40	763 (3)	1,037 (3)
9	Johor	204	184	2,986 (7)	2,054 (12)
10	Pahang	24 (1)	28	1,041 (5)	473
11	Terengganu	17	4	480 (2)	310 (1)
12	Kelantan	19	19	669 (3)	2,006 (4)
13	Sarawak	26	30	1,097 (2)	500 (2)
14	Sabah	25	25	1,302 (4)	499 (1)
15	WP Labuan	0	0	2	11
	<b>MALAYSIA</b>	<b>2,042 (5)</b>	<b>1,944</b>	<b>47,112 (141)</b>	<b>35,070 (69)</b>

Nota: ( ) Kematian

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 30 MEI 2015 (Mg 21)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	94	205
2	PERAK	Kinta	Tmn Cempaka	100	177
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 ( Dataran Otomobil : Blok 1 - 18 )	100	168
4	PERAK	Kinta	Tmn Pertama	36	147
5	SELANGOR	Sepang	Mutiara Ville Cyberjaya	93	147
6	SELANGOR	Petaling	Dun Bg Seksyen 14 Teres B : Jln 14/29 - Jln 14/49	36	132
7	SELANGOR	Gombak	Appt Desa 1	73	130
8	SELANGOR	Petaling	Pjs 9/2 - Pjs 9/30	40	127
9	SELANGOR	Sepang	The Arc Condo	57	126
10	SELANGOR	Petaling	Usj 14 (Subang Perdana Goodyear Court 9)	27	108
11	SELANGOR	Gombak	Kg Sg Bakau	18	102
12	SELANGOR	Petaling	Ss 17/3	24	96
13	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Puncak Sri Kelana Kondo	73	69
14	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a) Blok Aa- Aq	24	69
15	PERAK	Kinta	Kg Nalla N/V	20	67
16	SELANGOR	Gombak	Tmn Desa Jaya	11	67
17	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Puteri Kondo	17	67
18	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Tenaga	15	65
19	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	32	62
20	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 6a Puncak Damansara Kondo	14	58
21	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Tropika	22	56
22	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Desa Serdang	17	55
23	SELANGOR	Gombak	Tmn Indah Gemilang	17	53
24	PERAK	Kinta	Kg Dato Ahmad Said	20	53
25	SELANGOR	Hulu Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	13	53

26	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Puncak Nusa Kelana Kondo	18	52
27	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Putra Sek 1 (Rumah Kedai)	8	51
28	SELANGOR	Sepang	Apt Cempaka, Bkt Puchong 2	14	51
29	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat A : Blok 1 - 10)	15	50
30	SELANGOR	Gombak	Au1a Tmn Keramat (Flat)	7	48
31	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Baru Sungai Chua	6	48
32	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	11	48
33	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	19	48
34	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kelompok Merpati Seksyen 9 Bandar Baru Bangi	8	46
35	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Saujana Damansara (A) : Jln 10/13, 10/14	11	46
36	P PINANG	Timur Laut	Jalan Perak	8	45
37	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 1 (Jln Indah 1)	14	45
38	SELANGOR	Sepang	Shaftbury Residence	21	45
39	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 4 Bandar Bukit Mahkota	13	44
40	PERAK	Kinta	Tmn Silibin	10	42
41	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Damai Jaya	19	41
42	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 11	17	41
43	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 5/11-16 Taman West Country	6	40
44	P PINANG	Timur Laut	Jalan Pasar	42	39
45	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 ( Flat A : Blok 1 - 22 )	6	39
46	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Harmoni 2 ( D,E,F,G,H,J,K,T,S,R )	7	39
47	SELANGOR	Sepang	Cyberia Condominium	32	39
48	SELANGOR	Sepang	Serin Cyberjaya	57	39
49	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Setia Jaya	8	38
50	SELANGOR	Sepang	Uni.Tenaga Nasional	26	38
51	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 ( 1 )	8	37
52	PERAK	Kinta	Tmn Anggerik	10	36
53	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 ( Sandaran Permai : Jln U10/52 - U10/56b )	9	36
54	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 8 Flat Pkns (Gabung Dgn Flat Pkns Ss 3/39)	15	36
55	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	6	35

56	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Lestari	10	35
57	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Sri Kenari	9	34
58	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 6/C Bandar Bukit Mahkota	8	34
59	SELANGOR	Petaling	Seksyen U12 ( Pangsapuri Sri Pegaga : Jln U12/1 )	12	34
60	SELANGOR	Petaling	Ss 15/4 (Rumah Kedai, First Subang & Kolej Inti)	6	34
61	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana (Jln Teratai)	8	34
62	P PINANG	Timur Laut	Kota Emas Apartment	6	33
63	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Setia Balakong	10	33
64	SELANGOR	Petaling	Dun Bg Seksyen 5 Tmn Gasing Indah : Jln 5/56, 5/58, 5/8a, 5/8b, 5/69	7	33
65	PERAK	Kinta	Kb Gunung Hijau	15	32
66	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 10 D'rozelle Kondo	13	32
67	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 5 Sepah Puteri (Jalan 5/20 - 5/27)	10	32
68	SELANGOR	Petaling	Tm Seksyen 4 ( Teres B : Jln 4/33,47,47(A-D),49(A-E),50,52,53,53(A,B), 54(A,B) )	6	32
69	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 8 (Pangsapuri Bayu)	5	32
70	SELANGOR	Sepang	Unipark Condo	10	32
71	P PINANG	Timur Laut	Jalan Scotland	15	31
72	SELANGOR	Hulu Langat	Lorong Cantik Kampung Pandan Dalam	6	31
73	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Kantan	10	31
74	SELANGOR	Petaling	Seksyen 10 ( Teres : Jln 10/1 - 10/14 )	10	31
75	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Brunfield Riverview )	14	31